



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah
Teluk Likas, Peti Surat 11623
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mail: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02371

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN

13 Jun 2024

BENKEL PERPUSTAKAAN OPAC & u-PUSTAKA MENINGKATKAN LITERASI MAKLUMAT PARA PELAJAR

KOTA KINABALU (Khamis) : Kumpulan Yayasan Sabah melalui Pejabat Zon Pantai Barat Utara dan Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Haji Mohd. Fuad Stephens menganjurkan Bengkel Perpustakaan Online Public Access Catalogue (OPAC) dan u-Pustaka pada 12 Jun 2024 di SMK Sri Nangka, Tuaran.

Seramai 47 orang pelajar dari sembilan sekolah sekitar daerah Tuaran telah menyertai bengkel tersebut. Bengkel ini merupakan anjuran kedua daripada tiga siri bengkel.

Objektif utama bengkel tersebut ialah membantu meningkatkan literasi maklumat dan literasi asas pencarian maklumat dalam perpustakaan bagi meningkatkan kecekapan penggunaan perpustakaan. Di samping itu, bengkel ini juga sebagai persediaan awal kepada para pelajar tingkatan lima dan enam yang akan melanjutkan pengajian diperingkat lebih tinggi kelak.

Majlis penutupan disempurnakan oleh Ketua Pustakawan Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Haji Mohd. Fuad Stephens, Encik Zainudin Saridi. Turut hadir Ketua Penyelaras Pentadbiran Zon Kumpulan Yayasan Sabah, Encik Zulkhairi bin Haji Ismail, Pegawai, School Improvement Partners+ (SIP+), Puan Alizidah binti Sipil mewakili Pejabat Pendidikan Daerah Tuaran dan Pengetua SMK Sri Nangka, Encik Voo Hon Min @ Mohd Amin.



Pix 1: Taklimat bengkel disampaikan oleh Pustakawan Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Haji Mohd. Fuad Stephens, Encik Mohd. Iqbal Firdaus Kamilin (berdiri).



Pix 2 : Pustakawan, u-Pustaka, Cik Rinawaty Ag. Ali (berdiri) berkongsi pengetahuan beliau kepada para peserta.



Pix 3 : Latihan praktikal para pelajar/pelajar mencuba menggunakan OPAC.



Pix 3: Encik Zainudin (enam dari kanan) menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta. Disaksikan oleh Encik Zulkhairi (tujuh dari kanan), Puan Alizidah (empat dari kanan), Encik Voo Hon Min (tiga dari kanan) dan Ketua Pentadbir Zon, Zon Pantai Barat Selatan, Puan Linda Anthony (dua dari kanan).



Pix 4 : Gambar berkumpulan.

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat, sila hubungi :

Izan binti Awang Razli
Pemangku Pengurus Kanan, Bahagian
Komunikasi Korporat
b/p Pengurus Kumpulan, Bahagian Komunikasi
Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel : 088-326426
Faks : 088-421526/088-326424
Emel : izan198@yahoo.com